

CAJ WAD, PENDAHULUAN DAN BAYARAN

Bayaran pendahuluan (deposit) untuk masuk ke wad adalah berbeza dari seorang ke seorang bergantung kepada kelas wad. Jika seorang pesakit yang dimasukkan ke wad & kemudiannya dipindahkan ke kelas wad yang lebih tinggi atas permintaannya, hendaklah membayar semua caj rawatan mulai dari tarikh pesakit tersebut dimasukkan ke wad kecuali caj wad. Jadual berikut menunjukkan caj dan bayaran deposit untuk warganegara Malaysia dan warganegara asing.

A. Wad Deposit

PESARA			
Kelas Pertama – Katil 1	Kelas Pertama – Katil 2	Kelas Pertama – Katil 4	Kelas Kedua
PERCUMA	PERCUMA	PERCUMA	PERCUMA

WARGANEGARA MALAYSIA			
Kelas Wad	Perubatan	Pembedahan	Bersalin dan O&G
Kelas Pertama	RM700	RM1100	RM800
Kelas Kedua	RM200	RM400	RM350
Kelas Ketiga	RM20	RM30	RM15

WARGANEGARA ASING			
Kelas Wad	Perubatan	Pembedahan	Bersalin dan O&G
Kelas Pertama	RM2100	RM3300	RM2100
Kelas Kedua	RM900	RM1500	RM1500
Kelas Ketiga	RM600	RM1200	RM1200

Pendahuluan perlu ditambah apabila kurang daripada bil interim. Wad deposit dan caj wad adalah berbeza dari seorang ke seorang bergantung kepada jenis penyakit dan jenis kelas wad. Simpan slip deposit anda untuk menuntut kembali pulangan daripada caj akses selepas anda keluar dari wad.

B. Caj Wad

Pekerja Kerajaan yang dimasukkan ke kelas wad yang lebih tinggi atas permintaannya, akan dikenakan bayaran sesuai dengan kadar masyarakat mengikut budibicara manakala sektor swasta perlu mengemukakan surat jaminan (GL).

KELAS		CAJ BAYARAN HARIAN WAD		
	Awam / Swasta	Kerajaan / Pesara	Warga Asing	
1	RM80.00 - Katil 1	PERCUMA	RM320.00 RM240.00 RM200.00	
	RM40.00 - Katil 2	PERCUMA		
	RM30.00 - Katil 4/ lebih	PERCUMA		
2	RM20.00	PERCUMA	RM180.00	
3	RM3.00	PERCUMA	RM160.00	

C. Caj Perubatan

KELAS WAD	Bayaran Rawatan Pesakit Dalam		
	Warganegara Malaysia	Kerajaan / Pesara	Warga Asing
1	RM10	PERCUMA	RM100
2	RM5		
3	PERCUMA		

Nota:

Jika seorang pesakit yang dimasukkan ke wad & kemudiannya dipindahkan ke kelas wad yang lebih tinggi atas permintaannya, hendaklah membayar caj wad pada peringkat kelas yang lebih tinggi

Bayaran Wad Intensif Pesakit Dalam (Warga Asing)

JENIS RUJUKAN	JUMLAH CAJ
Unit Rawatan Intensif / Koronari (Dewasa)	RM360.00 sehari
Unit Rawatan Intensif / Koronari (Kanak-Kanak)	RM300.00 sehari
Nurseri Rawatan Khas (SCN)	RM140.00

Bayaran Wad Harian (Day Care)

JENIS RUJUKAN	WARGANEGARA MALAYSIA		WARGANEGARA ASING	
	KADAR CAJ WAD	KADAR RAWATAN CAJ	KADAR WAD CAJ	KADAR RAWATAN CAJ
Rujukan Kerajaan	RM3.00	Kelas 3	RM160.00	Kelas 1
Rujukan Swasta	RM3.00	Kelas 1	RM160.00	Kelas 1

Bayaran Pesakit Dalam Sehari (RM)

SYARIKAT SWASTA	RM1.50
PESAKIT WARGANEGARA ASING	Jumlah Caj Ibu Sama Dengan Jumlah Caj Anak

Bayaran Harian Hemodialisis

WARGANEGARA MALAYSIA					
BIL	JENIS RUJUKAN	KADAR WAD	CAJ	KADAR RAWATAN CAJ	JUMLAH CAJ
1.	Rujukan Kerajaan	RM 10.00		RM 3.00	RM 13.00
2.	Rujukan Swasta	RM 50.00		RM 3.00	RM 53.00

WARGANEGARA ASING					
BIL	JENIS RUJUKAN	KADAR WAD	CAJ	KADAR RAWATAN CAJ	JUMLAH CAJ
1.	Rujukan Kerajaan	RM20.00		RM6.00	RM26.00
2.	Rujukan Swasta	RM100.00		RM6.00	RM106.00

Bayaran Permohonan Laporan Perubatan

BIL	JENIS LAPORAN	WARGANEGARA MALAYSIA
1.	Laporan Pegawai Perubatan	RM40
2.	Laporan Ringkas Pakar Perubatan	RM80
3.	Laporan Terperinci Pakar Perubatan	RM200 hingga RM1,000 bergantung kepada kerumitan

Nota :

- Semua bayaran untuk permohonan laporan perubatan adalah mengikut Ordinan Fee P.U (A) 359
- Bagi kes-kes perundangan (Medico-Legal) laporan akan dikeluarkan atau dikemukakan selepas semua urusan perundangan selesai
- Permohonan untuk mendapatkan laporan perubatan mesti disertakan dengan salinan Buku Temujanji / Discharge Note / Sijil Kematian / Sijil Cuti Sakit

Bayaran Rawatan Pesakit Luar Klinik Pakar

BIL	JENIS RUJUKAN	WARGANEGARA MALAYSIA	WARGANEGARA ASING
1.	Rujukan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan	1. Percuma bagi lawatan pertama. 2. RM5 bagi setiap 'Follow-up' tidak termasuk siasatan.	1. RM120 bagi lawatan pertama. 2. RM120 bagi setiap lawatan tidak termasuk segala siasatan.
2.	Rujukan daripada Pengamal Perubatan Persendirian	1. RM30 bagi lawatan pertama. 2. RM5 bagi setiap 'Follow-up' tidak termasuk siasatan.	1. RM120 bagi lawatan pertama. 2. RM120 bagi setiap lawatan tidak termasuk segala siasatan.
3.	Kes-kes 'Follow-up' yang telah keluar daripada wad.	1. RM5 bagi setiap lawatan termasuk segala siasatan.	1. RM120 bagi setiap lawatan tidak termasuk segala siasatan.

Perkhidmatan Akan Diberikan Dalam Tempoh Seperti Berikut :-

Bil	Perkhidmatan	Tempoh
1	Menyediakan Bil-Bil Awam / Asing	10 Minit
2	Menyediakan Bil-Bil Kakitangan Kerajaan / Swasta	10 Minit
3	Menyediakan Bil-Bil Yang Diterima Dari Wad	10 Minit
4	Menerima Bayaran Dan Menyediakan Resit Bayaran	10 Minit
5	Membuat Bayaran Balik Baki Cagaran Secara Tunai	10 Minit